

AKAL PEMIMPIN DALAM UNGKAPAN MELAYU OLEH TENAS EFFENDY DILIHAT DALAM TEKS *SULALAT U'S SALATIN*

(The Leader's Intellect in the Malay Expressions of Tenas Effendy found in Sulalat u's Salatin)

Farizan Md Amin*

farizan.md.amin@gmail.com

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Hashim Ismail

shim@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Mohd Taufiq Arridzo Mohd Balwi

taufik@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):*

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Farizan Md Amin, Hashim Ismail & Mohd Taufiq Arridzo Mohd Balwi. (2022). Akal pemimpin dalam ungkapan Melayu oleh Tenas Effendy dilihat dalam teks *Sulalat u's Salatin*. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 205-222. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.15(2)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	9/4/2022	Semakan: <i>Revised</i>	17/6/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	23/6/2022	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	1/7/2022
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

Abstrak

Menurut Tenas Effendy (2000), sebagai orang yang “dituakan”, pemimpin haruslah berpengetahuan, mempunyai kebijaksanaan dan “akal”, serta berada dekat dengan orang yang dipimpinya. Beliau menjelaskan lagi bahawa pemimpin wajib memiliki “pakaian”, iaitu “pakaian batin” dan keperibadian terpuji. Pemimpin perlu mempunyai ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi supaya dapat memimpin berpandukan nasihat yang berguna dan bertepatan. Dengan ilmu ini, pemimpin tahu menilai dan mengadili pertelingkahan, atau apa-apa jua masalah yang

timbul dengan arif dan bijaksana. Berpandangan jauh dan berwawasan juga ialah konsep kepimpinan yang ditekankan oleh Tenas Effendy dalam ungkapan beliau. Menerusi ungkapan beliau, kajian ini memperlihatkan aspek “akal” yang wujud menerusi teks *Sulalat u’s Salatin*. Beberapa peristiwa dinukilkan sebagai dasar perbincangan. Terdapat 29 peristiwa penting yang dipetik daripada teks tersebut. Bagi setiap konsep “akal” yang dikupas, terdapat beberapa subkategori lain yang masih tergolong dalam konsep tersebut. Sebagai seorang Melayu yang sangat halus budi pekerti, setiap ungkapan yang ditulis oleh Tenas Effendy ialah suatu nasihat yang bernas. Dalam pada itu, susunan bait yang indah dan tulisan yang cermat tentang kedudukan pemimpin dapat dihayati menerusi ungkapan beliau. Akhirnya, kajian ini memperlihatkan kedudukan “akal” sebagai syarat utama yang perlu ada pada pemimpin apatah lagi dalam menakhodai sebuah empayar, terutamanya yang menjadi rebutan pelbagai pihak.

Kata kunci: *Pemimpin, peristiwa, bijaksana, konsep, ilmu, akal*

Abstract

According to Tenas Effendy (2000), as a “wise” person, a leader ought to be knowledgeable, possess wisdom and intellect, and be close to the people he leads. He further explained that a leader is required to possess a good soul and admirable personality. It is necessary for a leader to possess worldly knowledge and religious knowledge so he can lead and be guided appropriately and adequately. With such knowledge, the leader will know how to evaluate and adjudicate disputes, or problems that may arise, wisely. A visionary leader is also emphasized by Tenas Effendy in his ungkapan, or expressions. Through his ungkapan, this study aims to examine aspects of the intellect that exist in the acclaimed Sulalat u’s Salatin, or Malay Annals. Several events will be cited as the basis for this study’s discussion. There are 29 important events that were extracted from the text. For every concept of intellect that was extracted, there are several sub-categories belonging to it. As a Malay of refined character, every ungkapan written by Tenas Effendy is an apt advice. As such, the exquisite arrangement of the stanzas and meticulous writing about the position of the leader can be experienced in his ungkapan. In conclusion, this study examines the position of the intellect as the main principle that must be possessed in a leader when ruling an empire, especially one that is vulnerable to various other parties.

Keywords: Leader, events, wise, concept, knowledge, intellect

PENGENALAN

Berdasarkan *Kamus Dewan* (2019:22), kata “akal” bermaksud budi, fikiran, daya upaya atau ikhtiar. Kata terbitan “berakal” pula bermaksud mempunyai akal atau fikiran, dan cerdik, iaitu dapat berfikir dan pandai menggunakan akal.

Kata “akal” menurut definisi Tenas Effendy (2000) menerusi buku beliau *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu* bermaksud pemimpin yang berakal, berpengetahuan, cerdik, arif dan bijak. Dalam penyenaian jenis pemimpin, terdapat beberapa jenis pemimpin yang mengandungi maksud yang seiras dengan kata “akal”, seperti pemimpin yang arif, bijak, cerdik, faham dan jantan. Buku tersebut satu daripada panduan tunjuk ajar Melayu yang menjelaskan “pakaian” pemimpin.

Konsep akal dalam kepimpinan dalam masyarakat Melayu juga dibincangkan oleh Tenas Effendy dengan merujuk “orang yang dituakan” oleh kaum dan bangsanya. Terdapat 194 jenis kepimpinan yang disenaraikan oleh beliau. Dalam senarai tersebut, beberapa jenis pemimpin yang berakal, seperti bijak, cerdik, faham, jantan dan ahli yang berkaitan dengan pengertian konsep akal, dikemukakan oleh Tenas Effendy. Contohnya, pemimpin jenis “bijak” ialah pemimpin yang arif, baik dan dihormati masyarakat. Hal ini suatu yang tepat kerana pemimpin yang berkeperibadian terpuji mampu melaksanakan tugas dengan baik dan benar. Perkara ini terbukti apabila terdapat pemimpin yang berakal ketika memimpin Melaka berdasarkan peristiwa dalam teks *Sulalat u's Salatin*.

Dalam kamus Arab, kata “a'qala” dimaksudkan sebagai mengikat dan menahan; kata “i'qal” merujuk tali pengikat serban yang berwarna beragam, iaitu hitam dan terkadang emas, yang dipakai di Arab Saudi; kata “i'taqala” dan “mu'taqal” pula merujuk menahan orang di penjara dan tempat tahanan, masing-masing (Mahmud Yunus, 1992). Dalam komunikasi atau lisan orang Arab, kata “al-'aql” bermaksud menahan dan “al-'aqil” ialah orang yang menahan diri dan mengekang hawa nafsu. Banyak makna yang dimaksudkan tentang “a'qal”. Menurut Harun (1986), maksud “a'qala' ialah mengikat dan menahan; “a'qil” pada zaman jahiliyah dikenali sebagai hamiyah atau darah panas, iaitu orang yang dapat menahan amarahnya dan bersikap dan bertindak secara bijaksana ketika mengatasi masalah.

Detik kemasyhuran Melaka dapat dilihat selepas Sultan Muzaffar Syah berjaya menyelesaikan konflik dalam kalangan pembesar Melaka yang berakhir dengan perkahwinan Bendahara Seri Nara di Raja, Tun Ali dengan Tun Kudu, dan peletakan jawatan Bendahara Tun Ali. Peristiwa ini diikuti oleh pelantikan Tun Perak yang menjadi Bendahara Melaka yang diibaratkan sebagai sirih pulang ke gagang. Beliau ada menyentuh isu pemimpin yang bijaksana yang menjadi faktor kejayaan Melaka apabila menghadapi tentera Siam. Kebijaksanaan Sultan menyelesaikan konflik yang berlaku di dalam negeri tersebut turut dibantu oleh kebijaksanaan pembesar

dan kekuatan tentera Melaka, dan ilmu kebatinan yang dimiliki oleh beberapa orang Melaka, seperti Tun Telani, Seri Bija Di Raja dan Sidi Arab (Abdul Rahman Rukaini, 1985).

Sisi yang berbeza pula menggambarkan kebijaksanaan pemerintahan Melayu sehingga negeri menjadi makmur disebabkan oleh tumpuan pedagang di dalam dan di luar negeri. Oleh sebab teks historiografi Melayu mengisahkan raja bagi sesebuah negeri, pengarangnya berusaha untuk memberikan gambaran yang gilang-gemilang tentang kesultanan atau kepimpinan yang diperkatakan. Sebagai contohnya, Tun Perak digambarkan sebagai tokoh pemimpin yang unggul sehingga berjaya mentadbir wilayah di bawah pemerintahan empat orang sultan (Fazliyana, 2002).

Oleh sebab itu, Tenas Effendy menyampaikan peringatan kepada pemimpin masa hadapan. Walaupun berbentuk ungkapan, penjelasan beliau sebenarnya suatu nasihat dan gambaran jenis pemimpin dalam dunia kepimpinan Melayu. Ungkapan Melayu satu daripada genre sastera rakyat yang meluas dalam budaya Melayu dan masih kekal hingga hari ini. Paparan falsafah hidup masyarakat Melayu menunjukkan bahawa puisi lama, termasuklah pantun dan syair, sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu terkenal dengan kelembutan dan kehalusan budi pekerti, terutamanya apabila menyampaikan hasrat dan memanifestasikan pemikiran. Selain merakamkan pemikiran, ungkapan Melayu merakamkan perkembangan pemikiran, peradaban dan ketamadunan bangsa Melayu. Tamadun Melayu tidak dapat tidak harus dikaitkan dengan ketamadunan Islam yang berkembang lebih awal. Satu daripada pemikir Islam terawal yang membincangkan konsep akal ialah Imam al-Ghazali.

Kedudukan, Fungsi dan Tanggungjawab Pemimpin

Pemimpin dalam definisi Tenas Effendy (2000) ialah “orang yang dituakan” oleh kaum dan bangsanya. Pemimpin hendaklah dekat dengan umatnya seperti yang tercermin dalam ungkapan berikut:

Yang didahulukan selangkah
Yang ditinggalkan seranting
Yang dilebihkan serambut
Yang dimuliakan sekuku

Menerusi hubungan yang dekat ini, terjalin hubungan yang akrab antara pemimpin dengan rakyat yang menumbuhkan keakraban dan kesebatian sebagaimana ungkapan, “bagaikan aur dengan tebing, bagaikan kuku dengan isi, bagaikan mata putih dengan mata hitam”. Bagi memastikan pemimpin tidak berlaku sewenang-

wenangnya, pemimpin diminta untuk berjanji dan bersumpah, serta disimpai dengan beragam petua amanah yang wajib ditaatinya seperti yang tertulis dalam ungkapan berikut:

Yang diberikan kepercayaan
Yang diberikan kekuasaan
Yang diberikan beban berat
Yang diberikan tanggungjawab
Yang diikat janji dan sumpah
Yang disimpai petua amanah

Pakaian Pemimpin

Pemimpin wajiblah memiliki “pakaian”, iaitu “pakaian batin” yang lazimnya dikenali sebagai sifat dan peribadi terpuji yang sentiasa melekat dalam dirinya. Hal ini seperti yang digambarkan dalam ungkapan berikut:

(Keimanan)
Memakai syarak lahir dan batin
Imannya tebal adat pun kental
Takwanya nampak ilmu pun banyak.

(Kebolehfikiran)
Berdada lapang berfikiran panjang
Bermuka jernih berlidah fasih.

Berpendirian kukuh berakal senonoh
Berpijak tidak berkisar
Bercakap tidak beralih.

Beraninya menahan uji
Setianya tahan dicuba
Taatnya tahan dilipat.

(Keadilan)
Tegaknya pada yang hak
Duduknya pada yang elok.

Adil menjadi hakim
Bijak dalam bertindak
Cermat dalam melihat

Teliti dalam berjanji
Amanah dalam bersumpah.

(Pergaulan)

Bergaul pada yang betul
Berkawan pada yang sejalan
Bersahabat pada yang bersifat.

Berguru pada yang tahu
Menuntut pada yang patut.

(Prinsip Diri)

Tahu dirinya dengan perinya
Tahu duduk dengan tegaknya
Tahu berbudi arif memberi
Tahu menimbang arif menenggang
Tahu merasa bijak berbicara.

Tahu membaca dalam gelita
Tahu menyemak dalam kemak (kemak-kemik / komat-kamit)
Tahu memandang masa datang
Tahu menengok hari esok.

Tahu memelihara harta pusaka
Tahu menjaga harta soko.

Tahu membela segala rakyatnya
Tahu menjaga kampung halamannya.

Tahu menyukat sama pepadat (rata)
Tahu membagi sama isi.

Tahu berjalan tidak melendang
Tahu melangkah tidak melapah.

Rela berlapang dalam sempit
Rela berbagi walau sedikit.

Menjalankan tugas hana beragas
Menjalankan amanah tahan dilapah

Menjalankan yang hak tahan diinjak
Menunaikan janji tahan mati.

SOROTAN KAJIAN

Pemimpin ialah wakil rakyat, bukan pegawai atau wakil raja (Zainal Kling, 2014). Rakyat dan negara banyak bergantung pada kebijaksanaan dan keberanian pemimpin sebagai teraju. Pemimpin perlu memiliki kekuatan dengan sifat ilmu dan kebolehan yang mengatasi kebolehan rakyat (Idris Zakaria, 2014). Konsep kepemimpinan yang dikaji oleh sarjana barat, termasuklah kepemimpinan ialah pengaruh proses antara pemimpin dengan pengikutnya untuk mencapai matlamat dengan melihat kepada perubahan (Lussier & Achua, 2016).

Umar Junus (1984) menerusi bukunya menjelaskan dan membincangkan teks Sejarah Melayu menerusi teori intertekstualiti. Beliau juga membincangkan naskhah tersebut daripada pelbagai pendekatan. Apabila menerangkan sifat raja, beliau menjelaskan bahawa raja Singapura dan raja Melaka mempunyai sifat berikut: (1) dikatakan berasal daripada keturunan Iskandar, tetapi kehilangan hak legitimitasnya; (2) dikatakan berasal daripada keturunan yang mempunyai kesaktian, tetapi kesaktian itu hilang dengan adanya waad; dan (3) menjadi manusia biasa pada dasarnya, sehingga kekuasaannya bergantung pada hubungannya dengan rakyat.

Beliau juga mencatatkan beberapa perkara menarik tentang kejatuhan Melaka. Proses kekalahan Melaka didapati jauh lebih kompleks berbanding dengan kejatuhan Singapura yang hanya disebabkan oleh pengkhianatan Sang Rajuna Tapa. Bagi kejatuhan Melaka, terdapat beberapa punca, iaitu: (1) raja yang gilakan perempuan sehinggakan mengganggu isteri dan anak pegawainya; (2) raja yang gila tasawuf sehingga melupakan persoalan kenegaraan; (3) pegawai yang dapat dibeli dengan wang; (4) kehadiran orang asing dan orang yang tidak terlibat dalam proses waad; (5) orang asing yang menyogok pegawai kerajaan Melaka; dan (6) tidak ada persiapan untuk berperang, dan berasa cukup dan “terjamin” dengan berbekalkan hikayat dengan harapan untuk mendapatkan kesaktian daripadanya. Hal ini menimbulkan sikap anakronistik, iaitu tidak berbuat apa-apa untuk hidup hari ini dan hanya menginginkan kembalinya kejayaan masa lampau tanpa berusaha untuk mempertahankan dan memperjuangkan hidup hari ini. Sikap ini suatu yang tercela menurut Tun Seri Lanang.

Konsep akal menurut al-Ghazali terikat dengan prinsip keagamaan yang dipandang oleh al-Ghazali sebagai benar (Esa Khalid, 2004). Kajian beliau mendapati bahawa metodologi ilmu pengetahuan yang aksiomatik (awwaliyyat al'aqliyyah), sentimental (mushahadat batininyah), sensori (mahsusat zahirah),

empirikal (tajribah), periwayatan meluas (mutawatirat), ilusi (wahmiyyah) dan termasyhur (mushahadat batinniyyah) digunakan oleh al-Ghazali dan Ibn Rushd. Al-Ghazali berpegang teguh dengan prinsip shari'ah sebagai asas falsafah ilmunya. Konsep, seperti jiwa (tadhkiyyah al-nafs), mengenal diri (ma'rifah al-nafs) dan mengingat Allah (dhikr Allah) ialah suatu pendekatan atau proses yang harus wujud dalam sesebuah sistem kepimpinan yang berlandaskan Islam (Esa Khalid, 2004).


Al-Ghazali berpandangan bahawa adalah suatu keperluan untuk melihat pancaindera dan kemudiannya akal (Esa Khalid, 2004). Kedua-dua alat ini meyakinkan pemikir seperti al-Ghazali bahawa proses mencapai akal yang sempurna berlaku secara bertahap. Pancaindera yang utama ialah mata kerana menjadi alat yang paling dominan. Beliau memberikan perhatian terhadap mata kerana organ ini sering memberikan hasil yang tidak dapat dipercayai sepenuhnya. Menurut Ade Afriansyah. (2017), akal diibaratkan sebagai cahaya yang menyusup ke dalam sanubari manusia dan membimbingnya untuk memahami segala sesuatu. Bagi manusia yang menolak makna ini dan membatasi pengertian akal sebagai alat untuk memahami ilmu yang fardu, maka dia terkeliru. Hal ini dikatakan demikian kerana akal mampu membezakan keberadaan manusia daripada binatang (Fazl-ul-Karim seperti yang dinyatakan dalam al-Ghazali, 1993).

Imam al-Ghazali menyatakan bahawa akal mempunyai batas tertentu. Akal mengakui adanya nur yang lebih hebat daripada nur yang ada pada akal itu sendiri. Bagi al-Ghazali, akal ialah nur yang dikurniakan Allah ke dalam hati (Fazl-ul-Karim seperti yang dinyatakan dalam al-Ghazali, 1993). Nur ini pula menjadi kunci kebanyakan ilmu (Zainal Abidin Ahmad, 1975). Tiga tunjang utama dalam konsep kepimpinan ideal al-Ghazali ialah ilmu, akal dan akhlak. Akal yang dimiliki oleh manusia membezakannya daripada haiwan dan makhluk yang menjadi aset berharga manusia sejak lahir. Konsep akal yang dikatakan oleh al-Ghazali sebagai nur menjadi kunci bagi kebanyakan ilmu. Oleh sebab itu, manusia menggunakan akal seiring dengan waktu berdasarkan kepada nur yang disebut itu, kemudian menjadi sebuah ilmu pengetahuan (yang didapati daripada agama untuk menjadikannya sebuah petunjuk) dan pengalaman bagi melahirkan ilmu pengetahuan yang baharu.

Makalah ini membincangkan satu daripada aspek ilmu al-Ghazali berdasarkan kitab *Ihya' Ulum ad-Din*, Juz 1, iaitu perihal akal. Di samping itu, perbincangan juga tertumpu pada peristiwa yang berlaku dalam teks *Sulalat u's Salatin*. Dalam penjelasan kitab *Ihya' Ulum ad-Din* juz I, al-Ghazali membahagikan akal kepada empat tingkatan sebagai berikut:

1. Pertama, akal yang bermaksud **kecerdasan**. Akal ini dimiliki oleh setiap manusia. Sifat akal ini membezakan manusia daripada binatang dan makhluk lain. Akal ini bersedia menerima ilmu pengetahuan yang bersifat teori dan pengendalian berfikir sejak lahir. Akal ini juga berfungsi untuk memantulkan dan menyebarkan ilmu.
2. Kedua, akal yang bermaksud **pengertian**. Akal ini mula berkembang dan bergerak sejak kecil setelah akal pertama, kemudian meningkat naik pada usia remaja, menjadi dewasa dan seterusnya. Akal ini memahami benar dan salah, baik dan buruk, serta perkara yang tidak elok.
3. Ketiga, akal yang bermaksud **pengetahuan** yang diperoleh daripada usaha dan pengalaman, serta pengajaran. Akal inilah yang melahirkan ilmu pengetahuan yang begitu banyak, begitu tinggi dan begitu luas yang meliputi pelbagai bidang, lapangan alam dan pengalaman. Akal ini melahirkan ilmu yang dikenali sebagai *natural sciences*, dan ilmu yang berada dalam lapangan masyarakat yang dikenali sebagai *social sciences*.
4. Keempat, akal yang bermaksud **ma'rifah**. Akal ini berada pada puncak tingkatan akal yang menyebabkan keinsafan rohani yang menyedari akibat sesuatu dan membawanya kepada keluhuran budi akhlak, serta memimpinya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

Secara ringkasnya, perbincangan al-Ghazali tentang pembahagian tingkatan akal ini dapat disimpulkan menerusi Rajah 1.



Rajah 1 Empat tingkatan akal al-Ghazali.

Perkaitan antara empat tingkatan akal al-Ghazali dapat dilihat menerusi tahap kepimpinan kesultanan Melayu Melaka yang terdapat dalam teks *Sulalat u's Salatin* serta gambaran “pakaian pemimpin” yang diterangkan oleh Tenas Effendy. Sebagai contohnya, pemimpin yang dianggap sebagai adil harus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan luas, selain mempunyai tahap kecerdasan dan pengertian. Bagi mencapai tahap keempat, yang menjadi puncak, pemimpin perlu mempunyai sifat keinsafan rohani, kesedaran tentang kejadian sesuatu dan keluhuran budi akhlak yang memimpinnya kepada Tuhan Yang Maha Esa. Terdapat ciri pemimpin dalam teks *Sulalat u's Salatin* yang mengalami tahap perkembangan akal seperti yang dibincangkan oleh al-Ghazali. Pemimpin perlu berusaha untuk mencapai tahap ma'rifah untuk membolehkannya memimpin empayar yang besar dan disegani. Tenas Effendy meringkaskan “pakaian pemimpin” sebagai “pakaian batin” yang lazimnya dikenali sebagai sifat dan keperibadian terpuji yang sentiasa melekat dalam diri.

METODOLOGI

Kajian ini menjadikan teks *Sulalat u's Salatin* sebagai sumber primer. Pendekatan yang diambil oleh pengkaji ialah perbincangan secara deskriptif dengan menggunakan analisis kualitatif. Konsep akal yang dibincangkan oleh Tenas Effendy (2000) menjadi pendekatan utama untuk menukulkan beberapa peristiwa daripada teks *Sulalat u's Salatin*. Beberapa bacaan tambahan, termasuklah perbincangan oleh al-Ghazali, dimasukkan untuk menguatkan hujah tentang konsep akal dan berakal, terutamanya bagi pemimpin.

Kajian ini menerapkan kerangka teori empat tingkatan akal oleh al-Ghazali seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 untuk menganalisis data, iaitu teks kajian *Sulalat u's Salatin*. Dengan mengemukakan beberapa contoh daripada teks *Sulalat u's Salatin*, makalah ini memperlihatkan tahap kepimpinan yang paling menonjol. Selain itu, data analisis dikaitkan dengan konsep kepimpinan yang dibincangkan oleh Tenas Effendy, seperti pemimpin yang adil dan amanah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2000), pemimpin yang dimaksudkan sebagai mempunyai “akal” ialah pemimpin yang mampu menggunakan akalnya untuk memimpin rakyat, berpengetahuan, cerdik, arif dan bijak. Dalam ungkapan beliau, terdapat penjelasan tentang pemimpin yang menggunakan akal untuk mencari jalan dan menggunakan ilmu pengetahuan untuk melaksanakan tanggungjawab

dengan sebaik-baiknya. Di samping itu, pemimpin ini memakmurkan negeri yang dipimpinnya dan mengangkat maruah rakyatnya serta membanggakan golongan yang dipimpin. Hal tersebut dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Sebagai pemimpin ia berakal
Ilmunya banyak menjadi bekal
Menjalankan tugas hatinya pukal
Memikul beban ianya kekal
Fikiran bulat imannya tebal
Memimpin selalu menuruti bakal
Tahukan diri sedar ke asal.

Dijadikan pemimpin ianya handal
Umat memilihnya tak kan menyesal.

Dijadikan tua akal nya panjang
Dijadikan induk ia terpandang
Negeri damai umat “kan senang
Tuah bangkit maruah dibilang.

Contoh 1

Dalam teks *Sulalat u's Salatin*, Sultan Muzafar Syah menggambarkan sistem kehidupan yang lebih teratur. Catatan tersebut terdapat dalam nukilan berikut:

Setelah Sultan Muzafar Syah sah di atas kerajaan terlalu baik fe'el baginda, dengan adilnya dan murah nya, dan saksamanya pada ngeriksai segala rakyat baginda. Syahdan ialah menyuruh membuat kitab undang-undang supaya jangan lagi bersalahan segala hukum menterinya. (*Sulalat u's Salatin*, 2016:120)

Berdasarkan petikan ini, pemimpin yang sangat cerdas membenarkan wujudnya sistem sebagai panduan hidup supaya kehidupan menjadi lebih teratur. Proses pendokumentasian kitab undang-undang ialah langkah wajar yang diambil oleh Sultan Muzafar Syah. Sistem yang berpandangan jauh ini bukanlah semata-mata untuk melestarikan adat kehidupan manusia, tetapi berfungsi supaya masyarakat tidak hidup dalam keadaan salah-menyalah, fitnah-memfitnah dan syak-wasangka antara satu dengan lain.

Contoh pemimpin yang hebat ini berkemungkinan berada pada tahap akal pengetahuan dalam kerangka teori empat tingkatan akal al-Ghazali. Hanya dengan usaha dan pengalaman, serta pengajaran akal inilah yang melahirkan ilmu pengetahuan yang begitu tinggi dan luas. Kepimpinan akal pengetahuan tahap ini

melahirkan ilmu yang mampu memperbaiki sistem kemasyarakatan dan sosialisasi untuk menjadikan kehidupan masyarakatnya aman dan damai.

Kitab undang-undang yang dihasilkan sangat penting yang menggariskan panduan sebelum menjatuhkan hukuman dan menjadi panduan agar pembesar negeri mengambil tahu hukum-hakam serta mengetahui segala keperluan untuk bertindak. Dengan adanya kitab tersebut, pembesar negeri tidak sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman yang berat sebelah. Namun demikian, dengan adanya kitab undang-undang ini, tidak bermakna bahawa sifat manusia yang negatif, seperti fitnah-memfitnah, syak-wasangka, mencuri dan membunuh tidak wujud, tetapi sekurang-kurangnya, pembendungan anasir yang kurang sihat dapat dikawal. Kitab undang-undang yang dihasilkan itu ialah contoh kepemimpinan bukan anakronistik, tetapi realistik. Oleh sebab itu, nilai kepemimpinan cerdik ini sangat berharga bagi pemimpin kerana menjuruskan manusia kepada ekosistem kehidupan yang lebih terjamin.

Contoh 2

Peristiwa dalam teks *Sulalat u's Salatin* tentang peristiwa Baginda Seri Maharaja memimpin negeri dengan baik dan berbudi pekerti yang bijaksana adalah seperti yang berikut:

Setelah Seri Maharaja jadi bendahara maka negeri Melaka pun makin makmurlah, lagi dengan ramai kerana Bendahara Seri Maharaja terlalu saksama, adil lagi dengan murah. Syahdan terlalu baik budinya pada membawa orang dan terlalu sangat memelihara segala dagang. (*Sulalat u's Salatin*, 2016:272)

Kesejahteraan sosial dan ekonomi negeri dijaga dengan sangat baik dan bijak oleh pemimpin, seperti Seri Maharaja. Baginda didapati memmanifestasikan sifat pemimpin yang benar dalam melaksanakan hak dan kewajibannya. Perbuatan baginda sesuai menurut ketentuan hukum, undang-undang, agama, adat dan norma sosial masyarakat.

Di bawah kepemimpinan baginda, kejayaan demi kejayaan dicapai dan dirasakan oleh masyarakat Melayu. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang digambarkan dalam teks *Sulalat u's Salatin* sangat berwarna-warni dengan naratif yang tersendiri sehingga terkenal di persada antarabangsa. Dunia Melayu bukanlah dunia kampung nelayan semata-mata. Masyarakat Melayu kaya dengan falsafah dan tinggi nilai budaya. Di samping itu, teks *Sulalat u's Salatin* juga menggambarkan kejayaan politik dan ekonomi bumi Melayu. Pada saat kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, ada pemimpin yang hebat. Pada masa yang sama, kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka juga dikaitkan dengan pemimpin kerajaan yang zalim, gila kuasa dan negatif, selain memimpin tanpa kecerdasan akal (IQ) dan kecerdasan jiwa (EQ).

Konsep kepemimpinan Baginda Seri Maharaja mencerminkan tingkatan akal yang menghampiri puncak dalam kerangka teori empat tingkatan akal al-Ghazali. Usaha dan pengalaman baginda yang luas merangkumi ilmu pengetahuan yang sangat luas, termasuklah bijak berdiplomasi dengan kuasa luar. Kepimpinan akal pengetahuan tahap ini mencerminkan sistem ilmu pengetahuan yang strategik untuk mencapai kesejahteraan masyarakat bagi kehidupan yang terjamin. Namun begitu, bagi mencapai tahap ma'rifah, pemimpin memerlukan sudut keinsafan rohani, keluhuran budi dan akhlak yang membawa pemimpin kepada Tuhan Yang Maha Esa

Contoh 3

Contoh seterusnya menggambarkan pemimpin yang disifatkan sebagai berakal dan pada masa yang sama adil ketika melaksanakan tugasnya. Contoh gambaran pemimpin ini dalam teks *Sulalat u's Salatin* adalah seperti yang berikut:

Kata rawi bahawa Sultan Muhammad Syah selama di atas kerajaan terlalu sekali adil baginda pada memelihara segala manusia. Maka negeri Melaka pun besarlah dan jajahan Melaka pun makin banyaklah; yang arah ke barat hingga Bruasan Ujung Karang; arah timur had Terengganu. Maka masyurlah pada segala negeri dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar lagi dengan makmurnya ... Maka segala dagang bawah angin dan dagang atas angin pun sekaliannya datang ke Melaka. (*Sulalat u's Salatin*, 2016:109)

Contoh yang dinyatakan ini menggambarkan bahawa kerajaan Melaka bertambah makmur dan pemimpin menjadi adil selepas Sultan Muhammad Syah memeluk agama Islam. Dalam masa yang sama, perdagangan makin rancak dan kemasyhuran Melaka meluas ke seluruh Nusantara dan lingkungan negara Eropah. Keluasan pengaruh dan kemakmuran negeri Melaka ini kesan daripada pemimpin yang adil yang mengamalkan ekosistem yang stabil.

Selain kebijaksanaan, keadilan memberikan impak yang berpanjangan, bukan sahaja kepada masyarakat tempatan, malah kepada masyarakat dunia. Sistem perdagangan dan ekonomi yang rancak menjadi sinonim dengan negeri Melaka pada suatu ketika dahulu. Melaka menjadi makmur dan dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat dunia, termasuklah pedagang Arab, Eropah, Nusantara dan China, tatkala mereka berlabuh di kota Melaka. Sistem negeri Melaka sarat dengan aktiviti perdagangan yang dikatakan sangat adil dan telus. Hal ini berdasarkan tampuk kepemimpinan yang sangat mementingkan keadilan yang sejajar dengan nilai Islam. Konsep kepemimpinan adil juga memberikan pengertian pada satu sisi yang lain. Pada

waktu itu, muncul pemimpin yang bersifat “grounded”, iaitu pemimpin yang lebih mendekati rakyat dan mendengar masalah rakyat, seterusnya mengatasinya dengan jayanya. Ketelusan terhadap sesebuah masalah memerlukan pemimpin yang tajam akal, selain bertindak adil.

Seperti dalam ungkapan Melayu, Tenas Effendy menjelaskan bahawa yang berfikiran panjang dan mempunyai akal budi itu mampu menjadikan hatinya sabar, amanah dan tidak suka terhadap perkara buruk seperti yang dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Menjadi pemimpin adil dan benar
Tidak memilih kecil dan besar
Petua diingat amanah didengar
Terhadap yang buruk ia tak gemar
Pada yang baik ia mengakar
Fikiran panjang hati penyabar.

Dijadikan pemimpin manfaatnya besar
Hukum tegak syarak mengakar
Adat lembaga sama tiada tercemar
Negeri yang kecil menjadi besar
Tegak kukuh sayap pun lebar.

Dalam contoh 3, konsep kepimpinan Sultan Muhammad Syah mencerminkan tingkatan akal pengetahuan yang menghampiri puncak dalam kerangka teori empat tingkatan akal al-Ghazali. Setelah pemimpin ini memeluk agama Islam, negeri Melaka menjadi subur dan mekar. Dengan konsep keadilan yang dilandaskan oleh agama Islam, Sultan Muhammad Syah memiliki sudut keinsafan rohani, keluhuran budi dan akhlak yang membawa pemimpin kepada Tuhan Yang Maha Esa. Namun begitu, nukilan dalam teks *Sulalat u's Salat* lebih bersifat keupayaan pemimpin yang mampan untuk menggalas tanggungjawabnya dalam kestabilan ekonomi, siasah dan sahsiah.

Contoh 4

Contoh dalam teks *Sulalat u's Salat* tentang pemimpin yang bijaksana lagi adil adalah seperti yang berikut:

Sekali prastawa pencuri terlalu buas di dalam negeri Melaka. Orang kehilangan pun sebagai tiada berhenti lagi senantiasanya malam. Setelah Sultan “Alauddin mendengar pencuri terlalu ganas itu maka baginda pun terlalu masghul. Setelah hari malam

maka baginda pun memakai cara pakaian pencuri. Baginda pun pergilah menyamar tiada membawa teman; hanya Hang Isub dan Hang Siak juga dibawa baginda serta pergi itu. (*Sulalat u's Salatin*, 2016:229)

Kepemimpinan yang adil melibatkan sikap usul periksa. Menerusi sikap ini, pemimpin perlu mentelaah sebelum menjatuhkan hukuman. Dalam konteks ini, Sultan Alauddin Riayat Syah menyamar sebagai rakyat biasa untuk mengetahui perkara sebenar kerana banyak kecurian yang berlaku di Melaka. Tindakan baginda mencerminkan sifat pemimpin yang adil.

Sultan Alauddin Riayat Syah juga disifatkan sebagai pemimpin yang sangat mementingkan nilai agama Islam. Pedoman agama yang mendorong kepada keimanan dan ketakwaan menjadi teras bagi konsep kepemimpinan yang berakal. Pemimpin yang berpegang pada konsep kepemimpinan Islam memperjuangkan hak kesamarataan untuk masyarakatnya. Oleh sebab itu, contoh tersebut jelas menggambarkan keadaan Melaka yang berubah secara perlahan-lahan untuk menjadi makmur dengan dasar keadilan dalam sistem pemerintahan yang padu. Dengan keadilan dan kebijaksanaan sahajalah, terpateri nilai moral dan integriti yang tinggi.

Beberapa prinsip utama yang dipegang oleh Sultan Alauddin Riayat Syah menunjukkan bahawa baginda ialah pemimpin adil yang mempunyai akal pengetahuan yang tinggi berdasarkan kerangka teori empat tingkatan akal al-Ghazali. Keluhuran budi dan akhlak yang terpuji menjadikan baginda pemimpin yang adil. Bagi menyelesaikan satu-satu masalah, baginda dipercayai keperluan untuk mengetahui punca masalah tersebut. Hal ini didasari oleh sudut pandang yang terdapat dalam sains sosial, iaitu hal pentadbiran bagi mencapai kesejahteraan masyarakat perlu diteliti dengan lebih mendalam dan tidak bergantung semata-mata pada satu pihak sahaja.

Contoh 5

Contoh berikutnya berkaitan dengan pemimpin yang berakal dan amanah. Pemimpin berakal ini sangat mementingkan konsep amanah. Sifat ini ditunjukkan dalam petikan berikut:

Maka sembah Demang Lebar Daun, “Jikalau anak patik tuanku peristeri niscaya kedal ia tetapi jikalau tuanku mau berwa’ad dengan patik maka patik persembahkan anak patik dibawah duli Yang Dipertuan.” (*Sulalat u's Salatin*, 2016:36)

Pemimpin yang berpandangan jauh ialah pemimpin yang mempunyai akal kecerdasan, akal pengertian dan akal pengetahuan yang baik. Perjanjian atau kontrak sosial ini dilaksanakan untuk mencapai kesejahteraan sosial. Berdasarkan kerangka teori

empat tingkatan akal al-Ghazali, suatu perjanjian tidak boleh disia-siakan oleh mana-mana pihak. Keluhuran budi dan akhlak yang terpuji ini menggambarkan konsep kepemimpinan yang mengutamakan keadilan. Bagi menyelesaikan satu-satu masalah, Demang Lebar Daun menggunakan akal untuk mencapai kesejahteraan kedua-dua pihak.

Kebijaksanaan dan kecerdikan pemimpin Melayu sememangnya menyerlah sehingga menjadi lambang kepercayaan. Wa'ad yang berlaku antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun ialah cerminan secara implisit tentang nilai kepemimpinan yang berintegriti atau amanah untuk menjaga keamanan, kesetiaan yang bermaruah agar pemimpin mampu memikul segala tanggungjawab yang diamanahkan. Kontrak sosial tersebut seperti yang banyak dibincangkan oleh sarjana melambangkan daulat atau hubungan yang erat antara raja dengan rakyat. Masing-masing ada "jika"nya dan masing-masing pula ada musibahnya. Pucuk pangkalnya, sebagai raja yang memimpin rakyat, rakyat tidak boleh difadihatkan (dihinakan, dimalukan atau ditindas). Sebaliknya, jika raja ada yang zalim dan jahat pekertinya, rakyat tidak boleh derhaka atau ruap (meruap, marah).

Hal tersebut menjadi perbincangan yang sangat panjang tentang batas kekuasaan raja yang menzalimi rakyat dan sifat kesetiaan yang tiada berbelah-bagi. Contohnya, dalam kisah Hang Tuah, diceritakan bahawa Hang Tuah meningkatkan semangat rakyat supaya rakyat taat kepada raja dalam apa-apa keadaan sekalipun. Jika rakyat tidak mengikut perintah raja, rakyat akan terkena tulah. Dalam masa yang sama, rakyat perlu mendapat perlindungan daripada raja. Perihal tersebut dikisahkan dalam beberapa peristiwa kejadian yang berlaku dalam teks *Sulalat u's Salatin*.

Demang Lebar Daun (DLD) ialah pemimpin yang bijaksana kerana dapat mengesan sikap segolongan pemimpin yang tidak menepati janji. Oleh sebab itu, peristiwa antara DLD dan Sang Sapurba mengenai waad sangat simbolik. Hal ini terserlah dalam teks,

Barang di mana raja-raja beranak perempuan yang baik rupanya diambil baginda akan isteri. Apabila beradu dengan baginda pada malam, setelah pagi-pagi hari dilihatnya puteri itu kedal.

Kedal bermaksud perubahan warna kulit seperti terdapatnya tompok putih pada kulit. Bagi masyarakat Melayu, kedal dikaitkan dengan ketulahan terhadap raja, misalnya apabila gadis yang berdarjat rendah berkahwin dengan raja (Zainal Abidin, 2016:35). Peristiwa waad yang dijelaskan dalam teks *Sulalat u's Salatin* (pp 36) menjadi peringatan kepada kedua-dua pihak, iaitu raja dan rakyat, supaya melaksanakan tugas masing-masing dengan baiknya. Sebagai seorang ketua dinasti yang dipandang mulia (Sultan atau Raja), konsep kepemimpinan amanah ialah suatu tindakan penting yang selaras dengan tunjang nilai Islam.

Dalam ungkapan Melayu, Tenas Effendy ada menjelaskan bahawa apabila pemimpin memegang amanah, negeri makmur rakyat semenggah seperti yang dapat dilihat dalam ungkapan berikut:

Menjadi pemimpin ia amanah
Taat memegang janji dan sumpah
Terhadap rakyat ia peramah
Terhadap sahabat ia pemurah
Dalam bekerja ia semenggah
Dalam bercakap berhalus lidah.

Dijadikan pemimpin membawa berkah
Bersamanya tegak tuah dan maruah.
Dijadikan tua besar faedah
Umat sentiasa rezeki bertambah.
Dijadikan induk ia ternama
Negeri terjaga umat terpelihara.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pemimpin wajib memiliki “pakaian” yang meliputi “pakaian batin” dan keperibadian terpuji seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2000). Pemimpin harus berada dekat dengan orang yang dipimpinnnya. Pemimpin yang berakal ialah pemimpin yang mempunyai ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi. Hal ini membolehkan pemimpin itu memimpin rakyat berpandukan nasihat yang berguna dan tepat. Kesannya, pemimpin tahu menilai dan mengadili pertelingkahan, atau masalah yang berlaku dengan arif dan bijaksana.

Berdasarkan 29 peristiwa penting yang dipetik dalam teks *Sulalat u's Salatin*, akal pemimpin dalam ungkapan Melayu oleh Tenas Effendy boleh merangkumi kebijaksanaan pemimpin yang mempunyai keadilan dan amanah dalam kepimpinannya. Sebagai seorang Melayu yang sangat halus budi pekerti, setiap ungkapan yang ditulis oleh Tenas Effendy ialah nasihat yang bernas. Dalam pada itu, susunan bait yang indah dan tulisan yang cermat tentang kedudukan pemimpin dapat dihayati menerusi ungkapan yang dibincangkan. Oleh sebab itu, kedudukan “akal” bagi pemimpin haruslah dimanifestasikan dalam kepimpinan sesebuah empayar.

Berdasarkan kerangka teori empat tingkatan akal al-Ghazali dan teks *Sulalat u's Salatin*, pemimpin kesultanan Melayu secara keseluruhannya mempunyai tahap akal pengetahuan yang tinggi. Pemimpin tersebut mempunyai pengetahuan yang luas untuk membina masyarakat yang sejahtera dan gemilang. Bukti yang dinukilkan

dalam artikel ini memperlihatkan keberhasilan pemimpin Melayu untuk mencapai akal pengetahuan yang tinggi. Bagi kajian yang akan datang, dicadangkan bahawa paparan tahap akal yang ma'rifah dinukilkan dalam kepimpinan Melayu berdasarkan teks historiografi Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Rukaini. (1985). *Analisa komprehensif sejarah Melayu*. Yayasan Anda.
- Ade Afriansyah. (2017). Konsep pemimpin ideal menurut al-Ghazālī. *Jurnal NALAR: Peradaban dan Pemikiran Islam*, 1(2), 82-94.
- Esa Khalid. (2004). Kajian perbandingan antara pemikiran al-Ghazali dan Ibn Rush dalam falsafah Sains [Disertasi kedoktoran]. Universiti Malaya.
- Fazliyana Mustafa. (2002). Kepentingan kepimpinan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka [Disertasi kedoktoran]. Universiti Malaya.
- Fazl-ul-Karim. (Trans) (1993). *Revival of religious learnings Imam Ghazali's Ihya Ulum-Id-Din*. Darul-Ishaat.
- Harun Nasution. (1986). *Akal dan wahyu dalam Islam*. UI Press.
- Idris Zakaria. (2014). Persetiaan raja, kerajaan, dan rakyat daripada perspektif Islam. *seminar antarabangsa peradaban Melayu: Rakyat, raja dan kerajaan - raja dan rakyat berpisah tiada*.
- Kamus Dewan*. (2019). (ed. Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lussier, R. N., & Achua C. F. (2016). *Leadership: Theory, application & skill development* (6th ed). Cengage Learning.
- Mahmud Yunus. (1992). *Kamus bahasa Arab*. Serambi.
- Tenas Effendy. (2000). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1984). *Siri kajian Sastera Fajar Bakti: Sejarah Melayu menemukan diri kembali*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Ahmad. (1975). *Konsepsi negara bermoral menurut Imam Al-Ghazali*. Bulan Bintang.
- Zainal Abidin Borhan (Ed.) (2016). *Sulalat u's-salatin*. Yayasan Karyawan.
- Zainal Kling. (2014). Dari waad kepada raja berpelembagaan: Sendi pemerintahan negara Malaysia. *Prosiding seminar antarabangsa peradaban Melayu: Rakyat, raja dan kerajaan "raja dan rakyat berpisah Tiada*.